

13/01/1998

Pengeluar digesa segera sertai program MGDM

SHAH ALAM, Isnin - Pengeluar barangan tempatan dinasihatkan supaya tidak mengambil sikap tunggu dan lihat untuk menyertai program Pengiktirafan Tanda Standard Rekabentuk Malaysia (MGDM) yang diwujudkan bagi memberi peluang kepada mereka mempromosikan keluaran masing-masing.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata program yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober 1996 itu, bertujuan memberi pengiktirafan kepada industri yang menghasilkan produk dan pembungkusan menarik, cemerlang dan sesuai dengan permintaan pengguna.

Melalui program itu, katanya, kerajaan menggalakkan persaingan antara sektor industri untuk menghasilkan produk tempatan yang membanggakan di segi rekabentuk selain berkualiti.

Bagaimanapun, katanya, bagi penilaian peringkat pertama hanya 19 produk diterima untuk mendapatkan MGDM yang sepatutnya lebih banyak berbanding jumlah produk yang dikeluarkan di negara ini.

Law berkata, program pengiktirafan MGDM adalah salah satu daripada usaha menjadikan produk keluaran Malaysia menarik di pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Usaha ini tidak akan membawa makna tanpa sokongan padu masyarakat umum sebagai pengguna yang berkuasa menentukan sama ada produk tempatan diterima atau tidak," katanya di majlis penganugerahan MGDM 1997 di Auditorium Sirim Berhad, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk V Danabalan dan Presiden/Ketua Eksekutif Sirim Berhad, Dr Mohd Ariffin Aton.

Pada majlis itu, Law menyampaikan pengiktirafan kepada tujuh barangan tempatan iaitu perakam video CD berkembar (Sharp), congkak (Syarikat Permainan Malaysia), pili sinki dan basin (Water Tab Sdn Bhd) serta pemerah jus, slow cooker, seterika automatik dan mesin basuh (National).

Kerajaan sudah lama menggalakkan rakyat membeli keluaran tempatan malah sebelum berlakunya kegawatan ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, kementerian akan meningkatkan usaha mempromosikan produk tempatan dengan memaklumkan program MGDM kepada persatuan pengilang, dewan perniagaan dan media massa selain memberi pendidikan kepenggunaan.

(END)